

Received: 16 April 2020; Accepted: 18 Jun 2020

Keindahan Gaya Bahasa Simile dalam Hadis *Ashrat Al-Sa'ah*

Khazri Osman (corresponding author)¹, Mohamad Zulkifli Abdul Ghani²,
Abu Dardaa Mohamad³ & Ahmad Irdha Mokhtar⁴

E-mel: ¹khazri@ukm.edu.my; ²zulghani@ukm.edu.my; ³dardaa@ukm.edu.my; ⁴irdha@ukm.edu.my

^{1,2,3&4}Pensyarah di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Abstrak

Simile salah satu gaya bahasa figuratif berkaitan perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu. Melalui simile sesuatu perkara dapat difahami dan dihayati terutama perbincangan berkaitan dengan *ashrat al-sa'ah*. Namun begitu, terdapat segelintir pembaca dan ahli masyarakat yang berlebihan atau tersasar ketika menghuraikan perumpamaan sehingga menyebabkan tidak menepati maksud sebenar perumpamaan tersebut. Oleh yang demikian perbincangan tentang gaya bahasa simile terhadap hadis *ashrat al-sa'ah* sangat penting kerana hubungannya dengan perkara yang *ghaibiyat*. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji unsur simile dalam hadis *ashrat al-sa'ah* dan menganalisis keindahan gaya bahasa simile dalam hadis-hadis tersebut. Penyelidikan ini menggunakan metode kualitatif dengan menjadikan analisis kandungan sebagai reka bentuk kajian. Kandungan yang dipilih ialah hadis *ashrat al-sa'ah* yang bertaraf sahih. Sebanyak enam hadis *ashrat al-sa'ah* telah dipilih sebagai data kajian ini. Hadis-hadis yang dipilih akan diterjemahkan kepada bahasa Melayu menggunakan teori Semantik-Komunikatif. Hasil kajian ini menunjukkan kehadiran simile dalam ungkapan bertujuan untuk meringkaskan ayat, mengelakkan kekeliruan dan menegaskan maksud. Hasil kajian juga menunjukkan kata bandingan yang paling banyak digunakan dalam hadis *ashrat al-sa'ah* ialah *kaf* diikuti oleh *kama*. Manakala gaya bahasa simile digunakan untuk membandingkan dua jari, penyakit yang menimpa kambing, kepingan malam yang gelap-gelita, ombak di lautan, tersasarnya anak panah daripada haiwan buruan, tembolok burung merpati. Kesemua gaya bahasa simile ini menceminkan *jawami' al-kalim* Rasulullah SAW melalui perbandingan yang sesuai dengan masyarakat sekali gus memastikan hadis tersebut dapat difahami dan dihayati dalam kehidupan manusia.

Kata kunci: Keindahan gaya bahasa, Bahasa simile, hadis *ashrat al-sa'ah*, *ghaibiyat*

The Aesthetic of Simile Language Style In The *Ahadith* of *Ashrat al-Sa'ah***Abstract**

Simile is the figure of language style that directly compares the differences or similarities between two things. Through simile, something can be understood and appreciated especially in the discussion of *ashrat al-sa'ah*. However, there are some readers and members of the community who become sceptical or misleading when paraphrasing the metaphor and thus misunderstanding the true meaning of the parable. Therefore, the discussion of the simile language in the *ahadith* (prophetic traditions) of *ashrat al-sa'ah* (the Portents of the Last Hour) is very important because of its connection with the supernatural (*ghaibiyat*). This study aims to examine the elements of the simile in the *ahadith* of *ashrat al-sa'ah* and to analyse the beauty of the simile language style in the *ahadith*. This research uses qualitative methods by using content analysis as the study design. The selected contents are authentic *ahadith* of *ashrat al-sa'ah*. A number of six *ahadith* regarding the *ashrat al-sa'ah* are chosen as the data of this study. The *ahadith* are then translated into the Malay language using semantic-communicative theory. The results of this study show that the presence of similes in expressions aims at summarizing sentences, avoiding confusion and asserting meaning. The results also show that the most commonly used comparative word in the *ahadith* of *ashrat al-sa'ah* is the *kaf* followed by the *kama*. While simile language style is used to compare two fingers, goat-infecting illness, dark night slabs, waves in the ocean, missing arrows of the hunted animals and pigeon caches. All of these simile styles of language reflect the Prophet's *jawami' al-kalim* (comprehensive speech) through appropriate comparisons for the community and thus ensures that the *ahadith* are understood and appreciated in the human life.

Keywords: figure of language, simile, *ashrat al-sa'ah*, supernatural

Pengenalan

Akidah ialah perkara yang berkait dengan kepercayaan dan keyakinan dalam hati, yang menyebabkan hati menjadi tenteram, tidak ragu, tidak bimbang, dan suci daripada segala syak wasangka. Gandingan akidah dan iman melahirkan Mukmin yang tulen. Salah satu rukun iman ialah beriman kepada hari akhirat yang termasuk dalam perkara *ghaybiyyat*. *Ghaybiyyat* ialah perkara luar deria rasa, deria bau, deria dengar, deria lihat, dan deria sentuh, terlindung atau tidak terjangkau oleh pancaindera manusia. Dalam ilmu usuluddin, *ghaybiyyat* juga mempunyai makna seiras dengan *sam'iyat*, yang bermaksud kepada perkara yang hanya dapat diketahui oleh manusia menerusi al-Quran dan al-Sunnah, tanpa peranan akal dan minda. Bahkan malaikat dan anbia juga tidak mengetahui *ghaybiyyat* (Ghfayli 2001). Termasuk dalam kategori ini, setiap perkara yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW waimma yang dapat diketahui oleh pancaindera atau akal, mahupun sebaliknya. Keimanan kepada Allah SWT yang mantap menjadikan seseorang itu menerima apa jua maklumat sama ada daripada al-Quran atau sunah tanpa sebarang keraguan.

Hari kiamat memiliki pelbagai nama; *yaum al-qiyamah*, *yaum al-azifah*, *yaum al-ba'th*, *yaum al-taghabun*, *yaum al-talaq*, *yaum al-tanad*, *yaum al-hisab*, *yaum al-ba'th*, *al-dar al-akhirah*, *yaum al-fasl*, *yaum al-khulud*, *al-sa'ah* dan sebagainya. Sebelum berlakunya kiamat, dunia didahului dengan tanda-tanda yang disebut sebagai *ashrat al-sa'ah*. *Ashrat al-sa'ah* dibahagikan kepada dua; kecil dan besar. Tanda-tanda kecil mendahului *al-sa'ah* dalam satu tempoh yang cukup panjang, seperti ilmu dihilangkan, munculnya kejahilan, manusia berlumba membina bangunan tinggi dan sebagainya. Berbeza dengan tanda besar, yang timbul sangat hampir sebelum kiamat. Misalnya kemunculan Dajjal, Yakjuj dan Makjuj, kedatangan Nabi Isa a.s. dan lain-lain lagi.

Al-Quran diturunkan oleh Allah kepada manusia sebagai pertunjuk kepada jalan kebenaran. Al-Quran mengandungi panduan asas bagi kehidupan manusia bermula daripada ibadat, muamalat, munakahat, *jinayat* dan urusan pentadbiran negara (Mohd Nazri Ahmad & Mohd Faizulamri Mohd Saad 2016). Setiap Muslim bertanggungjawab memahami al-Quran untuk dia mengamalkan kandungannya. Menurut Khairul Asyraf Mohd Nathir et al. (2019), keunikan dan kehebatan *i'jaz* al-Qur'an tidak wajar dipertikaikan kerana kandungannya amat lengkap dan sesuai dengan perkembangan dan konteks semasa. Sesuai dengan pegangan rukun iman, didapati kira-kira 70% surah-surah al-Qur'an mengandungi peringatan tentang hari kiamat. Daripada jumlah tersebut, juz 30 yang mengandungi 37 surah merupakan antara yang paling banyak membahaskan ayat-ayat berkaitan hari kiamat iaitu dengan 20 surah. Al-Quran ada menerangkan beberapa *ashrat al-sa'ah* seperti bulan terbelah, *dukhan*, dan Yakjuj dan Makjuj. *Ashrat al-sa'ah* banyak dirakamkan dalam hadis sama ada hadis yang mutawatir atau *ahad*. Hadis sebagai sumber penting dalam Islam, menduduki martabat kedua selepas al-Quran. Sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat, yang berlaku sebelum baginda diutuskan sebagai rasul atau selepasnya dikategorikan sebagai hadis.

Secara fitrahnya manusia cenderung terhadap perkara yang baik, bagus, mulia dan terhormat serta jauh daripada perkara yang buruk lagi hina. Bahasa dan sastera memiliki pengaruhnya yang tersendiri dalam masyarakat. Oleh itu, kata-kata yang sopan, berseni dan indah yang lebih mempengaruhi wajar diutamakan berbanding kata-kata yang kasar dan tidak beradab (Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah & Rabi'atul Athirah Muhammad Isa 2019). Seni bahasa Arab sangat hebat kerana setiap perkataan yang terdapat sama ada dalam al-Quran, hadis, prosa dan puisi masing-masing mempunyai makna yang tersendiri walaupun dari sudut pengertian umum membawa maksud yang hampir sama. Elemen linguistik seperti sinonim, antonim, homonim, polisemi yang terdapat dalam bahasa Arab lebih tinggi nilainya berbanding bahasa-bahasa lain. Selain faktor linguistik, sesuatu perkataan, ujaran, frasa, klausa, dan ayat, perlu ditinjau dari sudut gaya bahasanya. Menurut Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005), untuk gaya bahasa, antara bidang yang perlu diteroka ialah imejan, personifikasi, pleonasme, simile, hiperbola, inversi, paradoks, aliterasi, anafora, asonansi, epifora, rima dan sinkope. Definisi untuk setiap istilah ini adalah seperti jadual berikut:

Jadual 1.1 Istilah-istilah Bidang Gaya Bahasa

Gaya Bahasa	Definisi
Imejan	penggunaan beberapa imej yang terhimpun dalam sesebuah karya sastera, penggunaan kiasan dalam tulisan
Personifikasi	pemberian (penyerapan) sifat-sifat manusia kepada benda tak bernyawa atau sesuatu yang abstrak dan lain-lain untuk mendapatkan kesan sastera atau seni,
Pleonasme	penggunaan kata-kata yang tidak perlu dan membazir.
Simile	perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu (orang, benda, dan sebagainya) dengan yang lain. Contohnya <i>bodoh macam lembu</i> .
Hiperbola	ungkapan (penyataan dan sebagainya) kiasan yang berlebih-lebihan atau dibesar-besarkan untuk memperoleh kesan tertentu dan tidak bertujuan ditafsirkan secara harfiah, misalnya <i>askar raja itu berlaksa-laksa banyaknya</i>
Inversi	pembalikan susunan kata-kata dalam ayat, misalnya <i>ia makan nasi</i> menjadi <i>makan nasi ia</i> .
Paradoks	pernyataan yang kelihatan bertentangan, biasanya melibatkan menggunakan unsur positif dan negatif dalam satu baris tetapi kenyataannya mengandungi kebenaran dengan pendapat umum atau realiti, misalnya <i>menangis dalam kegembiraan</i> .
Aliterasi	pengulangan bunyi atau huruf pertama pada beberapa perkataan yang berturutan (dalam sesuatu baris, terutamanya dalam sajak) seperti <i>derup derap</i>
Anafora	pengulangan sesuatu kata atau frasa pada permulaan beberapa kalimat atau klausa yang berturut-turut agar memperoleh kesan tertentu.
Asonansi	pengulangan bunyi vokal dalam deretan kata seperti <i>secupak</i> dan <i>sesukat</i> , atau <i>pokok</i> dan <i>tokoh</i> .
Epifora	pengulangan bunyi akhir kata atau struktur ayat dalam rangkap atau ayat yang berturutan untuk mencapai kesan stilistik tertentu, misalnya rima di akhir baris dalam rangkap syair.
Rima	bunyi yang sama pada huruf akhir atau kata akhir dalam sesuatu rangkap, seperti dalam gurindam).
Sinkope	pemendekan sesuatu kata dengan menggugurkan satu atau lebih huruf atau suku kata dari tengah-tengah kata itu, misalnya pengguguran <i>ha</i> dalam <i>sahaja</i> menjadi <i>saja</i> ,

Permasalahan Kajian

Kajian terhadap hadis *ashrat al-sa'ah* penting kerana beriman kepada perkara ghaib sebahagian sifat Muslim. Baginda SAW tidak berbicara melainkan semuanya wahyu daripada Allah SWT. Maka sesuaiilah kedudukan sunah Rasulullah SAW sebagai wahyu kedua selepas al-Quran. Cuma bezanya tilawah al-Quran dikira sebagai ibadah. Disebabkan sifat baginda yang jujur dan benar, setiap perkara yang disampaikan oleh Rasulullah SAW dan diriwayatkan secara sahih, sama ada manusia menyaksikannya atau tidak, logik pada pemikiran atau sebaliknya, semuanya wajib dipercayai (Ibn Qudamah al-Maqdisi 2000). Hadis *ashrat al-sa'ah* juga mustahak dikaji kerana meskipun tanda-tanda kiamat belum muncul sepenuhnya, contohnya kemunculan Dajal, bukanlah bererti tanda itu boleh diabaikan. Hal ini demikian kerana umat Islam wajar berwaspada terhadap dajal-dajal lain yang muncul sebelum Dajal sebenar.

Salah satu faktor pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa Kalam Allah yang menjadi mukjizat teragung Rasulullah SAW ialah keunikannya. Setiap komponen dalam struktur bahasanya sama ada morfologi, sintaksis, *balaghah*, klausa, frasa, dan unsur perkataan mempunyai keistimewaan tersendiri yang meneguhkan fungsi bahasa Arab iaitu ringkas dan tepat. Ilmu *balaghah* sangat berperanan untuk mengangkat keunggulan bahasa Arab kerana pemahaman terhadap sesuatu teks hanya dapat diketahui sepenuhnya melalui analisis ilmu ini. Rasulullah SAW tidak mendapat pendidikan secara formal dan digelar *ummi*. Gelaran ini bukanlah untuk merendahkan martabat baginda tetapi untuk menolak tuduhan golongan Quraisy dan orientalis yang mengatakan al-Quran itu ialah hasil karya baginda sendiri dan bukan wahyu daripada Allah Azzawajalla.

Kualiti dan kefasihan bahasa Rasulullah SAW sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Buktinya, kata-kata baginda mampu menggoncang kepercayaan yang berakar umbi dalam masyarakat jahiliah, malah melenyapkannya terus. Baginda hadir membawa kepercayaan baharu yang lebih mantap dan sempurna. Walaupun bergelar *ummi*, bahasa Arab yang diungkapkan oleh Rasulullah SAW sangat fasih. Baginda mengakui dianugerahkan *jawami' al-kalim* yang bermaksud lafaz yang ringkas, makna yang luas, ungkapan detil, tidak sukar ditafsirkan atau membingungkan untuk difahami, dan maksudnya telah sampai kepada minda sebelum ujarannya (Munawi 2010).

Jelas bahawa hadis *ashrat al-sa'ah* penting sebagai pedoman menyuluh ke arah jalan akidah yang betul dan sadik. Hadis sebagai sumber dan wahyu perundangan Islam diungkapkan oleh baginda Rasulullah SAW dalam bahasa Arab yang tinggi nilai kefasihannya. Kajian gaya bahasa seperti uslub simile amat penting untuk menyingkap nuansa segala makna dalam hadis *ashrat al-sa'ah*, mengukuhkan kefahaman dan keyakinan sekali gus menolak sebarang kesangsian terhadap hadis *ashrat al-sa'ah*.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti unsur simile dalam hadis *ashrat al-sa'ah*.
2. Menganalisis keindahan gaya bahasa simile dalam hadis *ashrat al-sa'ah*.

Sorotan Kajian Lepas

Antara kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu ialah *Penggunaan Tashbih dalam Gambaran Hari Kiamat dalam Surah al-Qariah* oleh Nazri Atoh & Zamri Arifin (2013). Kajian ini mendapati gaya bahasa *tashbih* yang terdapat dalam surah ini adalah untuk menjelaskan gambaran hari kiamat. Kata-kata yang digunakan untuk menjelaskan gambaran tersebut mempunyai kaitan dengan persekitaran. Umpamanya kelekatu, gunung-ganang dan bulu-bulu. Kata-kata yang digunakan untuk gaya bahasa *tashbih* dalam surah ini membawa gambaran yang mampu dirasai dan dicapai oleh pancaindera manusia. Pemberitahuan tentang perkara yang akan berlaku kelak adalah salah satu *i'jaz* dan hanya dipercayai oleh golongan beriman sahaja. Hal ini demikian kerana berita tersebut datang daripada ayat-ayat Allah SWT dan hadis tanpa pembuktian saintifik. Achmad Mustofa (2015) dalam kajian bertajuk *Hadis-Hadis Prediktif tentang Tanda-Tanda Hari Kiamat* mengetengahkan, tanda kiamat kecil atau *sughra* boleh terjadi kepada sesiapa pada bila-bila masa. Kiamat kecil yang berlaku menjadi perantara kepada kiamat universal untuk seluruh alam. Ada juga kajian tentang gaya bahasa dalam hadis telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Contohnya Mohamad Hussin, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha & Muhd Zulkifli Ismail (2016) dalam kajian mereka terhadap gaya bahasa *isti'arah* iaitu salah satu gaya *bayan* yang mendominasi penyampaian baginda SAW. Pendekatan *isti'arah* yang digunakan menyebabkan berlaku percambahan makna dan berupaya menjadikan benda tidak bernyawa seakan hidup dan berjasad.

Tinjauan literatur ini menjelaskan hari kiamat telah dijelaskan dengan nama yang khusus dalam al-Quran. Walaupun al-Quran memiliki nilai *fasahah* yang tinggi, uslub bahasa Rasulullah SAW juga tidak kurang hebatnya. Jika golongan sasterawan zaman jahiliah terkenal dengan kualiti bahasa mereka dalam prosa dan puisi, baginda SAW sebenarnya lebih luar biasa. Dengan sifat *ummi*, Rasulullah SAW menggarap beberapa elemen sastera seperti dan linguistik seperti *tashbih* dan *isti'arah* yang unggul dan memikat dalam ungkapan dan ujaran, atau lebih tepat diistilahkan sebagai hadis. Walaupun banyak kajian telah dilakukan, masih ada ruang untuk meluaskan kajian tersebut merangkumi gaya bahasa simile dalam salah satu prosa lagi iaitu *hadis-hadis ashrat al-sa'ah*.

Metodologi Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan analisis kandungan untuk mendapatkan data. Kandungan yang dipilih ialah hadis *ashrat al-sa'ah* yang bertaraf sahih. Hanya hadis yang mengandungi gaya bahasa simile sahaja yang akan dianalisis. Simile termasuk dalam kumpulan bahasa figuratif –yang biasanya bersifat kiasan atau lambang– menunjukkan makna sama ada perkataan, rangkai kata dan sebagainya yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya. Simile didefinisikan sebagai perumpamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu sama ada orang, benda, dan sebagainya, dengan yang lain. Misalnya bodoh macam lembu, hidup macam raja dalam istana, lagaknya persis lagak seorang diplomat, atau cantik laksana bulan. Simile biasanya menggunakan kata perbandingan seperti laksana, seperti, bak, macam,

umpama dan persis (Siti Fatimah Radzi & Harun Baharudin 2019). Kehadiran simile dalam ungkapan amat penting untuk meringkaskan ayat, mengelakkan kekeliruan, menegaskan maksud dan melambangkan keterlampauan. Hasilnya, enam hadis *ashrat al-sa'ah* telah dipilih sebagai data kajian ini. Data kajian merupakan data kajian korpus daripada teks, kerana korpus juga melibatkan penggunaan data daripada teks bertulis. Riduan Makhtar & Abdul Ghani Laenggang (2013) memetik, korpus bermaksud data mentah linguistik yang dikutip daripada kerja lapangan atau teks bertulis, dan dianalisis untuk membuat pernyataan saintifik tentang ciri fonologi, tatabahasa, atau leksikal sesuatu bahasa. Jadual berikut menunjukkan data berkenaan:

Jadual 1.2 Tema Hadis Dengan Gaya Bahasa Simile

Bil	Tema hadis	Gaya bahasa simile
1.	Pengutusan Nabi Muhammad SAW	seperti dua jari (tengah dan telunjuk)
2.	Wabak penyakit	seperti penyakit yang menyerang kambing
3.	Segera melakukan amalan	laksana kepingan malam yang gelap
4.	Pembunuhan Sayidina Umar r.a.	bagaikan ombak di lautan
5.	Golongan Khawarij	bagaikan tersasarnya anak panah daripada haiwan buruan
6.	Mewarnakan rambut	seperti tembolok burung merpati

Hadis-hadis yang dipilih ini akan diterjemahkan kepada bahasa Melayu menggunakan teori Semantik-Komunikatif. Dari segi kesesuaian, terjemahan semantik adalah untuk kesusasteraan serius, autobiografi, hasil peribadi, dan mana-mana kenyataan politik yang penting. Manakala komunikatif pula adalah untuk karya bukan sastera, teks teknikal dan informasi, publisiti dan fiksyen popular. Untuk menterjemahkan hadis yang mengandungi bahasa figuratif seperti simile, maka gabungan kedua-dua teori ini sesuai diaplikasikan.

Analisis Dan Perbincangan

- i. Muslim (2006) merekodkan hadis yang diriwayatkan oleh Sahl bin Sa'd r.a:

بُعِثْتُ أَنَا وَالسَّاعَةَ كَهَذِهِ مِنْ هَذِهِ، أَوْ: كَهَاتَيْنِ " وَقَرَنَ بَيْنَ السَّبَابَةِ وَالْوَسْطَى

Maksudnya: Jarak antara aku diutusan dengan hari kiamat seperti dua jari ini (lalu baginda merapatkan jari telunjuk dan jari tengah).

Kata bandingan yang digunakan dalam hadis ini ialah *kaf*. Jari telunjuk lebih mudah diangkat berbanding jari-jari yang lain. Jari tengah yang berada selepas jari telunjuk juga mudah diangkat untuk digabungkan bersama. Ibu jari juga mudah diangkat tetapi jarak antara ibu jari dengan jari telunjuk agak jauh berbanding jari telunjuk dengan jari tengah. Hadis ini menunjukkan tiada nabi yang lain selepas Rasulullah SAW dan jarak antara baginda diutusan dengan hari kiamat juga dekat sebagaimana jari tengah hanya tinggi sedikit sahaja telunjuk (Ibn Mulqan 2008). Partikel *waw* dalam hadis ini ialah *waw al-'atf* manakala *al-sa'ah* pula *maf'ul ma'ah*. Dari segi tatabahasa, *maf'ul ma'ah* bertujuan mengaitkan *musnad* iaitu kata kerja dalam ayat dengan kata nama yang *mansub* selepas *waw al-ma'iyah*. Tugasnya hampir sama dengan *al-hal* dalam ayat (Maydani 1996). Berdasarkan teori ini, boleh dikatakan maksud Nabi SAW dalam ungkapan ini ialah pengutusan baginda seiring dengan peristiwa berlakunya hari kiamat.

- ii. Bukhari (2000) merekodkan hadis yang diriwayatkan oleh ‘Awf bin Malik r.a:

اعْدُدْ سِتًّا بَيْنَ يَدَيِ السَّاعَةِ: مَوْتِي، ثُمَّ فَتْحُ بَيْتِ الْمَقْدِسِ، ثُمَّ مَوْتَانِ يَأْخُذُ فِيكُمْ كَفَعَاصِ الْعَنَمِ، ثُمَّ اسْتِفَاضَةُ الْمَالِ حَتَّى يُعْطَى الرَّجُلُ مِائَةَ دِينَارٍ فَيُظَلُّ سَاجِدًا

Maksudnya: Hitunglah enam tanda yang berlaku menjelang kiamat; kewafatanku, penaklukan Baitul Maqdis, kematian yang banyak dan wabak yang melanda kamu seperti penyakit yang menimpa kambing, kemudian harta melimpah-ruah sehinggakan ada orang yang memandang remeh walaupun diberikan 100 dinar.

Kata bandingan yang digunakan dalam hadis ini ialah *kaf. Mutan* ialah bahasa Bani Tamim yang dikaitkan dengan taun dan kematian (Ibn Qurqul 2012). *Qu'as al-ghanam* ialah sejenis penyakit yang menyerang haiwan ternakan seperti kambing. Simptom penyakit ini dapat dilihat jika ada cecair meleleh daripada hidung haiwan tersebut yang menyebabkan maut secara tiba-tiba. Menurut Ibn Hajar, peristiwa ini ada hubungannya dengan taun di *Imwas*, Palestin, pada zaman pemerintahan Sayidina Umar r.a., selepas penaklukan Baitul Maqdis (Hamawi 1995). Dengan ketinggian 200 meter dari aras laut dan keluasan 14.8 hektar, *Imwas* terletak 25 kilometer dari barat laut kota al-Quds yang dijajah. Malangnya peristiwa perang 1967 menyaksikan Zionis memusnahkan kampung ini termasuk kawasan sekitarnya dan memusnahkan kira-kira 3200 buah rumah yang memaksa penduduk melarikan diri ke tempat lain termasuk Jordan. *Ghanam* adalah salah satu nama kambing yang boleh digunakan untuk jantan dan betina. Dalam hadis, contohnya *Sahih al-Bukhari* kalimah *ghanam* paling banyak digunakan berbanding *kibash*, *ma'z*, *da'n* dan *kharuf*. Antaranya Bukhari (2000) merekodkan:

أَكُنْتَ تَرْعَى الْعَنَمَ؟ وَهَلْ مِنْ نَبِيٍّ إِلَّا وَقَدْ رَعَاهَا؟

Maksudnya: Adakah engkau pernah menternak kambing? Jawab Rasulullah SAW: “Apakah ada nabi yang tidak menggembala kambing?”

Hadis ini menunjukkan anbia bukan daripada golongan bangsawan bahkan mereka golongan yang tawaduk. Dikatakan kerja menggembala kambing mendidik cara mengurus rakyat dan mengenal erti kepayahan (Abdul Haq 2014).

Dalam hadis yang lain, Bukhari (2000) merekodkan sabda Rasulullah SAW:

وَالْخِيَلَاءُ فِي أَصْحَابِ الْإِبِلِ، وَالسَّكِينَةُ وَالْوَقَارُ فِي أَهْلِ الْعَنَمِ

Maksudnya: Kebanggaan ada pada unta dan ketenangan ada pada penggembala kambing.

Menurut San'ani (2011), penggembala atau saudagar unta biasanya bersikap meninggi diri kerana mereka lebih kaya dan unta lebih gagah berbanding kambing.

- iii. Muslim (2006) merekodkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah r.a:

بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ فِتْنًا كَقَطْعِ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ، يُصْبِحُ الرَّجُلُ مُؤْمِنًا وَيُمْسِي كَافِرًا، أَوْ يُمْسِي مُؤْمِنًا وَيُصْبِحُ كَافِرًا، يَبِيعُ دِينَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا

Maksudnya: Hendaklah kamu bersegera melakukan amalan sebelum *fitnah* datang **laksana** kepingan malam yang gelap-gelita. Pada waktu pagi individu itu beriman, tetapi petangnya pula dia berubah menjadi kafir. Ataupun waktu petang dia beriman tetapi paginya pula dia berubah menjadi kafir. Dia sanggup meninggalkan agamanya demi kebendaan.

Kata bandingan yang digunakan dalam hadis ini ialah *kaf*. Kepingan ialah bahagian yang kecil serta nipis yang merupakan pecahan daripada sesuatu. Keping biasanya merujuk kepada penjodoh bilangan bagi sesuatu yang pipih dan nipis misalnya kad, kertas, papan, dan sebagainya, atau bagi sesuatu yang luas seperti tanah. Malam iaitu lawan siang biasanya waktu mulai dari matahari terbenam sampai matahari terbit. Dalam bahasa Arab *laylah* merujuk kepada satu malam manakala *layl* pula sebaliknya. *Al-Muzlim* iaitu kata nama pelaku daripada *az-la-ma* menunjukkan malam yang amat gelap tanpa cahaya (Ahmad Mukhtar 2008). Perbandingan yang dibuat oleh Rasulullah SAW dalam hadis ini menunjukkan *fitnah* yang melanda pada akhir zaman sangat halus dan nipis serta sukar dibezakan antara satu sama lain disebabkan kepekatan malam. *Fitnah* itu juga tidak ketahuinya apatah lagi cara menyelamatkan diri daripadanya. Orang yang terlibat dalam *fitnah* itu juga amat payah mendapatkan cahaya kebenaran.

Hadis ini menyuruh agar tidak menanggukkan amalan soleh kerana situasi akhir zaman menyibukkan manusia daripada melakukan kebaikan yang sempurna. Beriman pada waktu pagi bermaksud yang individu berkenaan memiliki iman yang goyah dan menjadi kafir waktu petang sama dia persis kafir, berperangai seperti orang kafir, atau mengukufuri nikmat atau. Pendapat lain mengatakan, pada waktu pagi dia mengharamkan perkara yang diharamkan oleh Allah SWT namun berubah sikap pada waktu petang (Mubarakfuri 1990). Secara ikhtisarnya *fitnah* yang berlaku menyebabkan pegangan agama seseorang mudah goyah. Walaupun dalam hadis ini menyebutkan *al-rajul* atau lelaki secara jelas, bukanlah bermakna wanita tidak terlibat. Ataupun boleh jadi lelaki lebih mudah terkena *fitnah* berbanding wanita yang banyak menghabiskan masa di rumah.

iv. Muslim (2006) merekodkan hadis yang diriwayatkan oleh Huzayfah:

فِتْنَةُ الرَّجُلِ فِي أَهْلِهِ وَمَالِهِ وَنَفْسِهِ وَوَالِدِهِ وَجَارِهِ، يُكْفِرُهَا الصِّيَامُ، وَالصَّلَاةُ، وَالصَّدَقَةُ، وَالْأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّهْيُ عَنِ الْمُنْكَرِ» فَقَالَ عُمَرُ: لَيْسَ هَذَا أَرِيدُ، إِنَّمَا أَرِيدُ الَّتِي تَمُوجُ كَمَوْجِ الْبَحْرِ، قَالَ: فَقُلْتُ: مَا لَكَ وَلَهَا، يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ؟ إِنَّ بَيْنَكَ وَبَيْنَهَا بَابٌ مَخْفَى، قَالَ: أَفَيُكْسَرُ الْبَابُ أَمْ يُفْتَحُ؟ قَالَ: قُلْتُ: لَا، بَلْ يُكْسَرُ، قَالَ: ذَلِكَ أَحْزَى أَنْ لَا يُغْلَقَ أَبَدًا

Maksudnya: *Fitnah* yang dialami seseorang terhadap keluarganya, hartanya, dirinya sendiri, anaknya dan jirannya, boleh dihapuskan oleh amalan puasa, solat, sedekah, amar makruf dan nahi mungkar. Kata Umar: Bukan itu yang aku maksudkan, tetapi *fitnah* yang bergelora **bagaikan** ombak di lautan. Huzayfah bertanya: “Apa kaitan engkau dengan *fitnah* itu wahai Amirulmukminin? Antara engkau dengan *fitnah* ada pintu yang tertutup. Umar bertanya “Pintu itu akan dipecahkan atau dibuka?” Jawab Huzayfah “Pintu itu tidak dibuka tetapi dipecahkan.” Kata Umar “Kalau begitu pintu itu tidak akan boleh ditutup lagi.”

Kata bandingan yang digunakan dalam hadis ini ialah *kaf*. Ombak ialah gerakan air yang turun naik atau bergulung-gulung. Ombak yang melambung hebat dinamakan gelora, manakala ombak laut yang bergulung-gulung panjang atau ombak besar dinamakan gelombang. Ombak kecil biasanya tidak membahayakan dan bermanfaat untuk pelayar. Pelayar yang dapat membaca ombak, sebagai contoh pada waktu tenang, cuaca baik tetapi ombak kuat, itu tandanya ribut berlaku di tengah laut dan sedang menuju ke arah pantai (Mohd Yusof Abdullah 2015). Akan tetapi tiupan angin kencang dan ombak yang besar menyebabkan kawasan pesisir pantai terdedah kepada pelbagai ancaman seperti hakisan pantai, kenaikan aras laut dan sebagainya yang boleh mendatangkan kesan kepada kesejahteraan hidup manusia, persekitaran dan ekosistem (Fazly Amri Mohd et al. 2018). Ombak yang terlalu besar yang disebabkan oleh gempa bumi atau letupan diistilahkan sebagai tsunami. Najihah Remali (2015) menukilkan, tsunami berasal daripada perkataan Jepun yang membawa maksud ombak laut di pelabuhan. Tsunami merupakan suatu siri ombak besar yang mempunyai jarak gelombang dan jangka masa yang agak panjang disebabkan oleh gangguan atau perubahan pada dasar laut akibat daripada beberapa fenomena seperti gempa bumi, tanah runtuh di dasar laut, hentaman meteor dan juga ledakan gunung berapi. Tsunami merupakan salah satu bencana alam yang sangat digeruni kerana boleh menyebabkan kerosakan harta benda di samping mampu meragut nyawa manusia. Daya kemusnahan tsunami sangat tinggi dan dari mampu meninggalkan impak yang sangat besar kepada manusia dari segi sosial dan sistem ekonomi masyarakat setempat yang dilanda bencana ini. Tsunami juga pernah melanda Malaysia pada 26 Disember 2004. Ketika merempuh persisiran pantai Malaysia, tinggi gelombang

dianggarkan sekitar 2 hingga 3 m, tinggi rabung sekitar 3 hingga 6 m, dan tinggi pecahan ombak boleh mencapai hingga 8 m. Had laju ketika merempuh pantai ditafsirkan tidak melebihi 50 km/jam, dan lebar zon rempuhan serta inundasi kurang daripada 350 m. Tenaga dan daya musnah gelombang tsunami ketika melanda persisiran negara, jauh lebih kecil daripada apa yang berlaku di Aceh, Sri Lanka dan Thailand. Negara-negara ini mendapat kesan yang amat dahsyat sehingga menyebabkan ratusan ribu menjadi mangsa.

Berita yang diberitahu oleh Rasulullah SAW dalam hadis ini amat tepat. Sebagaimana dinukilkan oleh Nurul Abrar Md. Isa & Ermy Azziaty Rozali (2018), Sayidina Umar r.a. dibunuh ketika solat oleh Abu Lu'luah al-Majusi. Selepas itu Sayidina Uthman r.a. dilantik sebagai khalifah. Sayidina Ali r.a. turut memberikan baiah kepada beliau. Kemelut politik pada era pemerintahan Uthman r.a. ialah puncak *al-fitnah al-kubra* atau bencana besar. Umat Islam berpecah kepada tiga golongan. Pertama, berpihak kepada Sayidina Ali r.a., kedua menyebelahi Mu'awiyah bin Abi Sufyan r.a., dan ketiga berkecuali. Antara yang termasuk dalam kelompok ketiga ini ialah 'Abdullah bin Umar, Sa'd bin Malik, Sa'd bin Abi Waqqas, Muhammad ibn Maslamah dan Usamah ibn Zayd. Kelompok pemberontak yang tidak senang dengan cara pentadbiran Sayidina Uthman r.a. menuntut beliau meletakkan jawatan. Sayidina Uthman r.a. enggan memenuhi tuntutan puak ini. Akhirnya Uthman r.a. dibunuh sewaktu membaca al-Quran. Kematian beliau menyebabkan tidak keruan dalam kalangan Muslimin, banyak jiwa terkorban seterusnya meninggalkan impak yang besar dan panjang terhadap sejarah Islam. Berdasarkan kisah ini, ternyata ombak, gelombang, gelora atau boleh dikatakan sampai ke tahap tsunami *fitnah* yang melanda umat Islam sangat besar dan kuat.

- v. Muslim (2006) merekodkan hadis yang diriwayatkan oleh Suwayd bin Ghafalah:

سَيَخْرُجُ فِي آخِرِ الزَّمَانِ قَوْمٌ أَحْدَاثُ الْأَسْنَانِ، سَفَهَاءُ الْأَحْلَامِ، يَقُولُونَ مِنْ خَيْرِ قَوْلِ الْبَرِيَّةِ، يَقْرَأُونَ الْقُرْآنَ لَا يُجَاوِزُ حَنَاجِرَهُمْ، يَمْرُقُونَ مِنَ الدِّينِ كَمَا يَمْرُقُ السَّهْمُ مِنَ الرَّمِيَّةِ، فَإِذَا لَقِيَتْهُمْ فَأَقْتَلُوهُمْ، فَإِنَّ فِي قَتْلِهِمْ أَجْرًا، لِمَنْ قَتَلَهُمْ عِنْدَ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: Pada akhir zaman akan datang satu golongan yang muda, kurang cerdik dan mendakwa mereka yang terbaik. Mereka membaca al-Quran tetapi tidak melepasi kerongkong. Mereka keluar daripada agama **bagaikan** tersasarnya anak panah daripada haiwan buruan. Jika kamu bertembung dengan mereka maka bunuhlah kerana pembunuhan itu mendapat pahala daripada Allah pada hari kiamat.

Kata bandingan yang digunakan dalam hadis ini ialah *kama*. Pada zaman dahulu, anak panah digunakan untuk membunuh haiwan buruan sebagaimana senapang pada hari ini. Asal perkataan *ma-ra-qa* bermaksud keluar, dan daripadanya jugalah lahir kata nama *maraq* bermaksud kuah iaitu air atau cecair yang terhasil daripada gulai misalnya masakan sayur, masakan daging dan sebagainya. *Ramiyyah*, atas acuan *fa'ilah* bermaksud haiwan yang diburu sama ada jantan atau betina (Ibrahim Mustafa et al. 1980) manakala *al-din* pula ialah Islam (Ithyubi 2014). Dalam hadis ini juga ada kinayah pada ayat *ahdath al-asnan* dan *sufaha' al-ahlam*.

Golongan yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah Khawarij. Mohd Faizal Abdul Khir (2017) menukilkan, nama Khawarij diambil berasaskan sikap mereka keluar (*khuruj*) menentang Sayidina Ali. Mereka pada mulanya penyokong Sayidina Ali r.a. dan mempunyai hubungan rapat dengan beliau. Akan tetapi mereka kemudiannya menolak kepimpinan Sayidina Ali r.a. kerana tidak bersetuju dengan keputusan beliau berkaitan majlis Tahkim. Golongan Khawarij memiliki ciri-ciri ekstremis dan melampau dalam beribadat dengan meninggalkan aspek kefahaman. Sifat melampau itu menjadikan mereka terkeluar daripada kefahaman yang betul terhadap agama.

- vi. Abu Dawud (2009) merekodkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas dan dinilai sanadnya sebagai *sahih* oleh al-Arnaut:

يَكُونُ قَوْمٌ يَخْضِبُونَ فِي آخِرِ الزَّمَانِ بِالسَّوَادِ كَخَوَاصِلِ الْحَمَامِ، لَا يَرِيحُونَ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ

Maksudnya: Akan ada golongan pada akhir zaman yang mewarnakan rambut mereka dengan warna hitam **seperti** tembolok burung merpati. Mereka tidak dapat mencium bau syurga.

Kata bandingan yang digunakan dalam hadis ini ialah *kaf. Hamam* dalam bahasa Inggeris merangkumi *pigeon* dan *dove*. *Hamam* yang jinak dengan kediaman manusia dibahagikan kepada dua jenis; *barri* dan *ahliy*. Jenis *barri* mudah terbang, singgah di menara atau bangunan tinggi. Jenis *ahliy* pula pelbagai jenis dan rupa. Ada yang *al-mara'ish*, *al-addad*, *al-sadad*, *al-qilab* dan *al-mansub*. Memburu merpati ada khilaf dalam kalangan ulama tetapi hukum yang *asahnya* harus. Ijmak juga mengharuskan memakannya. Walaupun dalam hadis ini membandingkan hitam seperti tembolok merpati, namun bukan jenis merpati memiliki tembolok hitam (Sindi 1986).

Segelintir manusia berpandangan kecantikan itu ialah pada mata yang ayu, kulit yang putih dan rambut yang berwarna. Hakikatnya setiap manusia dijadikan oleh Allah SWT dalam keadaan serba sempurna. Hukum mewarnakan rambut sebagaimana telah difatwakan oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan dibahagikan kepada empat hukum. Sunat mewarnakan rambut kerana uban dengan apa-apa warna selain hitam. Harus mewarnakan rambut dengan warna hitam untuk tujuan jihad. Demikian juga harus isteri mewarnakan rambut dengan warna hitam untuk suami. Makruh mewarnakan rambut supaya kelihatan seperti orang soleh. Akhir sekali haram mewarnakan rambut dengan warna hitam kecuali untuk tujuan jihad, perhiasan isteri untuk suami atau mewarnakan rambut dengan sebarang warna sehingga menyerupai perlakuan orang bukan Islam.

“Tidak mencium bau syurga” ialah ancaman yang besar dan orang yang melakukannya tidak dapat mencium bau syurga bersama golongan *sabiqun* (Sindi 1986). Hadis ini menunjukkan perbandingan yang dibuat oleh Rasulullah SAW dengan burung merpati amat sesuai. Hal ini demikian kerana burung merpati dikenali oleh masyarakat Arab pada masa itu selain mempunyai memiliki kelompok yang besar dan jenis yang banyak.

Kesimpulan

Gaya bahasa simile dalam teks-teks syarak al-Quran dan hadis adalah cara yang paling berkesan dalam menyampaikan risalahnya kepada manusia. Manusia yang mempunyai latar belakang dan ideologi yang berbeza sudah pasti banyak perbezaan dalam menafsirkan nas terutamanya dalam memahami keimanan dan kepercayaan kepada hari kiamat dan perkara ghaib. Mengetahui keindahan bahasa ini mengikut metodologi yang sebenar yang telah diterima oleh para ulama bukan dengan cara-cara yang direka cipta ditambah dengan Israeliyat dan teori konspirasi yang tidak benar. Oleh itu, bagi seorang mukmin keindahan bahasa ini dengan ungkapan simile boleh menterjemahkan makna-makna akidah yang sebenar ke dalam dirinya memberikan optimis dan menambahkan kesabaran bukan yang menjadikan seseorang itu panik, kalut serta menyalahi sistem alam yang dicipta oleh pencipta. Makna-makna iman yang memekarkan keindahan iman selain bahasa simile yang diselitkan di dalam nas perlu dipraktikkan dalam menyampaikan dakwah Islamiyah dan menjadikannya salah satu cara mengajak manusia beriman kepada perkara ghaib dan hari kiamat.

Rujukan

Al-Quran

- Abdul Haq bin Sayfuddin. 2014. *Lama'at Al-Tanqih*. Damsyik: Dar al-Nawadir.
- Abū Dāwud, Sulaymān al-Ash'ath. 2009. *Sunan Abi Dāwud*. Shu'ayb Arnaut (pnyt.). Dār al-Risālah al-Ḥadīthah.
- Achmad Mustofa. 2015. Hadis-hadis prediktif tentang tanda-tanda hari kiamat. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Ahmad Mukhtar, Abdul Hamid Umar. 2008. *Mu'jam Al-Lughah Al-'Arabiyyah Al-Mu'asirah*. Beirut: Alam al-Kutub.
- Bukhari, Muhammad Ismail. 2000. *Sahih Al-Bukhari*. Muḥammad Zuhayr Nāṣir Al-Nāṣir (pnyt.). Dār Ṭawq al-Najāh.
- Fazly Amri Mohd, Khairul Nizam Abdul Maulud, Othman A. Karim, Muhammad Afiq Ibrahim, Yannie Anak Benson & Ahmad Khairi Abd. Wahab. 2018. Integrasi kaedah geospasial dan pemodelan hidrodinamik untuk mengkaji impak kenaikan aras laut terhadap kawasan pantai. *Jurnal Kejuruteraan* 30(1):65–75.
- Ghfayli, Abdullah Sulayman. 2001. *Ashrat Al-Sa'ah*. Arab Saudi: Kementerian Wakaf.
- Hamawi, Yaqut Abdullah. 1995. *Mu'jam Al-Buldan*. Beirut: Dar Sadir.

- Ibn al-Athir, al-Mubarak Muhammad. 2000. *Al-Nihayah Fi Gharīb Al-Hadīth Wa Al-Athar*. Mesir: Dar Ibn al-Jawzi.
- Ibn Mulqan, Umar bin Ali. 2008. *Al-Tawdih Li Sharh Al-Jami' Al-Sahih*. Damsyik: Dar al-Nawadir.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi, Ahmad Abdul Rahman. 2000. *Lam'ah Al-I'tiqad*. Riyadh: Kementerian Wakaf.
- Ibn Qurqul, Ibrahim Yusuf. 2012. *Matla' Al-Anwar*. Qatar: Kementerian Wakaf.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Zayyat, Hamid Abdul Qadir, Muhammad al-Najjar. 1980. *Al-Mu'jam Al-Wasit*. Turki: Dar al-Da'wah.
- Ithyubi, Muhammad bin Ali. 2014. *Al-Bahr Al-Muhit Al-Thajjaj*. Dar Ibn al-Jawzi.
- Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohd Sukki Othman, Wan Muhammad Wan Sulong & Nik Farhan Mustapha. 2019. Variasi perkataan hari kiamat dalam al-quran: satu tinjauan umum. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language* 2(5):25–40. <http://www.ijhpl.com/PDF/IJHPL-2019-05-03-03.pdf>.
- Maydani, Abdul Rahman Habannakah. 1996. *Al-Balaghah Al-'Arabiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Mohamad Hussin, Mohd Sukki Othman, Nik Farhan Mustapha & Muhd Zulkifli Ismail. 2016. Analisis penggunaan isti'arah: kajian terhadap beberapa hadith amthal rasulullah saw. *Issues in Language Studies* 5(1):27–43.
- Mohd Faizal Abdul Khir. 2017. Mendepani ekstremisme: pengajaran daripada sejarah kemunculan khawarij. *Jurnal al-Tamaddun* 12(2):115–25.
- Mohd Nazri Ahmad & Mohd Faizulamri Mohd Saad. 2016. Kesan riwayat asbab al-nuzul yang da'if dalam tafsir nurul ihsan. *Al-Turath* 1(2):1–14.
- Mohd Yusof Abdullah. 2015. *Bicara Dunia Melayu: Tradisi Pelayaran Melayu*.
- Mubarakfūri, Muhammad Abdul Rahman. 1990. *Tuhfah Al-Ahwazi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Munawī, Abd al-Rauf Taj al-Arifin. 2010. *Fayd Al-Qadīr*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Muslim, Muslim Ḥajjāj. 2006. *Saḥīḥ Muslim*. Riyadh: Dar Tibah.
- Najihah Remali. 2015. Analisis potensi dan pemetaan risiko tsunami di pantai barat semenanjung malaysia menggunakan sistem maklumat geografi. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nazri Atoh & Zamri Arifin. 2013. Penggunaan tashbih dalam gambaran hari kiamat dalam surah al-qariah. *al-Hikmah* 5(5):71–81.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. 2005. Pengajaran gaya bahasa dalam bahasa melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 16:37–54.
- Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah & Rabi'atul Athirah Muhammad Isa. 2019. Metodologi haji abdullah al-qari dalam penulisan buku bidang hadis. *Al-Turath* 4(2):37–49.
- Nurul Abrar Md. Isa & Ermy Azziaty Rozali. 2018. International journal of west asian studies. *International Journal of West Asian Studies* 10(6):60–73.
- Riduan Makhtar & Abdul Ghani Laengkang. 2013. Keunikan dialek sungai nenggiri, kelantan:satu analisis struktural. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* 13(3):260–73.
- San'ani, Muhammad Ismail. 2011. *Al-Tanwir Sharh Al-Jami' Al-Saghir*. Riyadh: Dar al-Salam.
- Sindi, Muhammad Abdul Hadi. 1986. *Hashiyah Al-Sindī Ala Sunan Al-Nasai*. Damascus: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Siti Fatimah Radzi & Harun Baharudin. 2019. Analisis konstratif tasybih dan isti'arah dengan simile dan metafora. *Journal of Ilmi* 44–55.